

IMPAK PENGGUNAAN APLIKASI TIKTOK TERHADAP PERUBAHAN AKHLAK PELAJAR UNISEL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

AISAH BINTI MAT DAN

Universiti Selangor

aisah@unisel.edu.my

FARIDAH HAJI SALLEH

Universiti Selangor

faridah_s@unisel.edu.my

SITI NOR ASIYAH BINTI IBRAHIM

Universiti Selangor

norasiyah0608@gmail.com

ABSTRAK

Aplikasi TikTok telah memberi impak besar terhadap pembentukan akhlak dan kepribadian pelajar. Aplikasi TikTok merupakan platform media sosial yang memuatkan video pendek disertakan dengan muzik untuk membolehkan seseorang berkongsi pelbagai maklumat seperti masakan, pembelajaran, ilmu-ilmu agama dan banyak lagi. Akan tetapi jika tersalah menggunakan media tersebut akan memberikan kesan negatif kepada penggunanya. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui impak aplikasi TikTok terhadap perubahan akhlak dalam kalangan pelajar UNISEL, mengenal pasti langkah-langkah membendung penyalahgunaan aplikasi TikTok dan mengkaji pandangan pelajar terhadap syariat dalam penggunaan TikTok. Kaedah pendekatan kuantitatif akan digunakan untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan dan kemudian dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) bagi mendapatkan suatu kesimpulan. Hasil kajian yang telah di kenalpasti menunjukkan terdapat banyak kebaikan dan keburukan media sosial TikTok terhadap akhlak pelajar khususnya. Justeru itu, para pendidik harus bekerjasama dalam membina kembali semangat kepimpinan akhlak para pelajar untuk menghasilkan graduan yang berkualiti dan berjaya bukan sahaja dalam bidang akademik malah juga berjaya dalam mempamerkan sahsiah yang baik.

Kata Kunci: Impak, Aplikasi TikTok, Akhlak

PENGENALAN

Akhhlak merujuk kepada perilaku, moral, dan etika seseorang dalam kehidupan mereka. Ia melibatkan nilai-nilai seperti jujur, kasih sayang, keadilan, kejujuran, dan bertanggungjawab. Definisi akhlak menurut bahasa ialah yang berasal daripada perkataan ‘*khuluq*’ yang bermaksud perilaku, perangai atau tabiat. Manakala dari segi istilah menurut Imam al-Ghazali, akhlak ialah suatu sifat yang tertanam dalam jiwa daripadanya timbul perbuatan-perbuatan tanpa pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu. Akhlak memainkan peranan penting dalam kehidupan kita dalam mempamerkan tingkah laku seseorang. Akhlak yang baik adalah asas penting dalam membina hubungan yang sihat dengan orang lain, serta dalam mencapai kesejahteraan diri dan masyarakat secara keseluruhan. Dalam kehidupan, akhlak yang baik membantu seseorang untuk mengambil keputusan yang tepat, berperilaku dengan baik, dan memberikan sumbangan positif kepada masyarakat.

Salah satu media sosial yang banyak digunakan oleh pelajar masa kini adalah media TikTok. Aplikasi Tik Tok ialah media dalam bentuk audio visual, yang boleh dilihat dan didengar. Terdapat ramai pengguna aplikasi ini yang terdiri daripada pelajar. Pelajar sangat seronok menggunakan media sosial TikTok kerana bagi mereka aplikasi ini dapat menghiburkan mereka apabila bosan. Aplikasi TikTok mendapat permintaan tinggi oleh golongan remaja kerana ia menghiburkan, dan turut membantu meningkatkan kreativiti dalam menyunting dan mencipta kandungan video yang menarik perhatian umum, Namun, tidak jarang aplikasi ini membuat remaja lupa akan waktu dan tempat ketika menggunakan. Aplikasi ini juga membuatkan pengguna bersaing untuk menjadi viral, malah untuk mendapat respon dan *like* yang banyak, mereka sanggup melakukan apa sahaja (Kusuma & Oktavianti (2020). Ramai daripada pelajar menggunakan media sosial dengan kerap menyebabkan mereka malas belajar. Dan itu sangat mengganggu hasil pembelajaran pelajar itu sendiri (Marini, 2019)

Media sosial dapat membuat seseorang terhipnotis untuk terus membuka dan menggunakan. Dalam penelitian ini aplikasi TikTok dapat membuat pelajar lupa waktu jika sudah asyik bermain TikTok. Para pelajar boleh menghabiskan waktu berjam-jam dalam sehari untuk mengakses aplikasi ini. Kerana hal tersebut diperlukannya pembatasan dan pengawasan yang ketat dari orang tua supaya anak tidak kecanduan saat bermain TikTok (Kasetyaningsih & Hartono, 2017). Impak negatif TikTok terhadap perubahan akhlak pelajar terjadi jika mereka sedang asyik main TikTok, mereka akan melambatkan untuk menunaikan solat atau menunda perintah Allah. Sikap acuh ini terjadi kerana konten yang mereka buka menarik dan sesuai dengan selera mereka. Sehingga konten yang menarik di satu sisi dapat menjadi saluran pendidikan dan menghilangkan stres, tetapi di sisi lain dapat melemahkan akhlak mereka.

Manakala TikTok juga lebih memberikan impak positif terhadap kognitif dan psikomotor anak dengan menjadi sarana edukasi dan kreativiti (Larasati, 2020). TikTok mempengaruhi aspek kognitif dari segi bertambahnya pengetahuan. Banyak pengetahuan baru yang pelajar dapat melalui TikTok dengan cara penyampaian yang mudah difahami oleh pelajar. Aspek psikomotor dipengaruhi oleh TikTok kerana pelajar banyak melakukan gerak saat menari meniru trend yang ada di TikTok. Selain itu, TikTok juga menjadi saluran hiburan untuk menghilangkan bosan dan penat ketika belajar. Beberapa dari mereka bahkan mendapatkan rakan baru dari aplikasi tersebut.

Dalam media sosial seperti aplikasi Tiktok, kita bebas untuk mempamerkan dan melakukan segala apa yang terjadi dalam kehidupan kita dan dapat ditonton oleh semua pelayar bahkan untuk mendapatkan trending tertinggi, mereka sanggup mereka cerita untuk mendapatkan tarikan. Ini menunjukkan pengaruh aplikasi TikTok mampu mempengaruhi perubahan akhlak pelajar pada masa kini.

PERNYATAAN MASALAH

Aplikasi TikTok banyak digunakan dari berbagai golongan umur terutamanya para pelajar. Tambahan lagi, pelajar zaman kini mempunyai sikap ingin mencuba melakukan sesuatu perkara baharu dan sesuai dengan keinginan mereka. Aplikasi tiktok merupakan platform media sosial yang memuatkan video pendek disertakan dengan muzik untuk membolehkan seseorang berkongsi pelbagai maklumat seperti masakan, pembelajaran, ilmu-ilmu agama dan banyak lagi. Hal ini akan memberikan impak yang positif kepada tontonan pengguna Tiktok yang mengambil manfaat dan pelajaran daripadanya.

Namun begitu, terdapat segelintir pelajar menggunakan aplikasi TikTok secara berlebihan iaitu mereka berkongsi perkara-perkara yang tidak sepatutnya dijadikan tontonan sehingga menjadikan TikTok sebagai medium yang berpengaruh negatif dan tidak sesuai dari ajaran Islam. Kesan negatif terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar apabila mereka lebih suka untuk melayari kandungan yang negatif dan ianya sukar untuk dibendung (Muhammad & Hadi, 2020). Timbulnya sifat ketagihan terhadap penggunaan aplikasi TikTok boleh mengakibatkan turun naik semangat untuk menunaikan solat. Menurut Nurul Izzah Noor Zainan et al., (2021) menyatakan bahawa para pelajar banyak membuang masa dan pelajar mudah terikut dengan perkara yang melalaikan serta mengikut budaya barat untuk keseronokan semata-mata.

Penggunaan aplikasi TikTok dalam kalangan pelajar Universiti Selangor (UNISEL) nampaknya semakin meningkat dari masa ke semasa. Hal ini tercermin pada gelagat pelajar ini, di mana setiap hari, jam malah minit tidak terlepas daripada penggunaan aplikasi TikTok tanpa mengetahui masa dan tempat. Di dalam kelas, semasa proses pembelajaran mahasiswa dan mahasiswi sering juga menggunakan media sosial. Sama ada untuk berkomunikasi atau mencari maklumat berkaitan kursus yang diajar atau lain-lain. Malah di dalam masjid, pelajar sering dilihat sibuk mengakses internet dan bermain di media sosial. Tingkah laku ini boleh memberi pengaruh baik atau buruk kepada pelajar. Namun begitu, setakat ini pengkaji melihat fenomena ini mempunyai banyak kesan negatif. Ini dapat dilihat daripada sikap, pergaulan sosial, penampilan yang bebas dan semangat beribadat mahasiswa di Universiti Selangor (UNISEL) yang mulai merosot. Pelajar mudah terikut dengan perkara yang melalaikan serta mengikut budaya barat untuk keseronokan semata-mata

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti pandangan pelajar Unisel terhadap penggunaan aplikasi TikTok mengikut perspektif Islam.
- ii. Mengenal pasti langkah-langkah bagi membendung penyalahgunaan aplikasi tiktok terhadap perubahan akhlak pelajar Unisel.
- iii. Mengkaji kesan penggunaan aplikasi TikTok terhadap perubahan akhlak pelajar Unisel

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah pandangan pelajar Unisel terhadap penggunaan media TikTok mengikut perspektif islam?
- ii. Apakah langkah-langkah bagi membendung penyalahgunaan aplikasi tiktok terhadap perubahan akhlak pelajar Unisel.?
- iii. Adakah kesan penggunaan media TikTok terhadap perubahan akhlak pelajar Unisel?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti perubahan akhlak mahasiswa Unisel terhadap penggunaan aplikasi TikTok dan pandangan Islam mengenai aplikasi TikTok. Hal ini kerana sudah tentu ramai pelajar yang mempunyai akaun TikTok dan turut memberi kesan sama ada yang baik atau tidak baik kepada mereka. Selain itu, hal ini juga membantu dalam memperjelaskan hukum Islam terhadap impak penggunaan aplikasi TikTok kepada keruntuhan akhlak pelajar. Tambahan lagi, penelitian ini juga bertujuan untuk mengetahui pandangan Islam terhadap kesan ke atas penggunaan aplikasi TikTok. Menjadi satu perkara yang perlu dalam mengambil berat akan keruntuhan akhlak pelajar apabila menggunakan aplikasi TikTok agar lebih terkawal semasa menggunakannya. Oleh itu, pada hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan dan manfaat kepada pelajar dalam memahami secara mendalam akan kesan penggunaannya.

DEFINISI ISTILAH

Aplikasi TikTok

Aplikasi merupakan sejenis teknologi media berdasarkan internet yang menggunakan laman web media sosial. Pengguna boleh menghubungi sesiapa sahaja di seluruh dunia. Aplikasi TikTok ialah perisian dalam talian yang membolehkan pengguna berkongsi dan mencipta bahan dengan mudah. Komuniti hari ini menggunakan aplikasi seperti TikTok untuk berkongsi dan mencipta idea di media sosial. TikTok merupakan aplikasi yang memberikan kesan yang unik dan menarik yang boleh digunakan oleh para pengguna aplikasi ini dengan mudah untuk membuat video pendek yang menarik perhatian banyak orang untuk menontonnya. Aplikasi TikTok ini membolehkan pengguna mencipta video pendek dengan bantuan muzik serta aplikasi ini amat disukai oleh pengguna dewasa dan muda (Prakoso, 2020). Pada mulanya, sejarah aplikasi ini tidak menggunakan istilah TikTok tetapi direkodkan di bawah nama yang berbeza iaitu Douyin. Sebuah perniagaan Cina dengan nama ByteDance mengeluarkan aplikasi Douyin atau dikenali TikTok pada September 2016 dan dalam tempoh setahun, seramai 100 juta orang telah memuat turun aplikasi ini (Muhammad Qayyim Khadir & Khazri Osman, 2022).

Akhlik

Akhlik menurut istilah Islam adalah sikap keperibadian yang melahirkan perbuatan dan tingkah laku manusia terhadap tuhan dan manusia, terhadap diri sendiri dan makhluk lain sesuai dengan suruhan dan larangan yang disertakan di dalam al-Quran dan Hadis. Manakala akhlak menurut Imam al-Ghazali dalam Ihya' 'Ulum ad-Din, bahawa akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa yang menimbulkan perbuatan-perbuatan dengan mudah, tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan. Hal ini sejajar dengan pendapat Ibrahim Anis dalam Al-Mu'jam al-Wasith, bahawa akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa, yang dengannya lahirlah perbuatan yang baik atau buruk, tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan.

Perspektif Islam

Sebagaimana yang dinyatakan oleh para pakar dan ulama dalam Islam, pandangan Islam ialah yang diterangkan dalam kitab yang dikenali sebagai Al-Quran dan as-Sunnah. Islam sangat memberi penekanan yang kuat kepada elemen pertumbuhan manusia yang merangkumi persekitaran fizikal, rohani, sosial, dan budaya. Sehubungan dengan itu, Islam memandang manusia sebagai tapak sebenar aktiviti pembangunan, bersama-sama dengan komponen material modal, buruh, organisasi, pendidikan, dan kemahiran, serta unsur-unsur lain seperti

sikap dan insentif yang bertindak sebagai tunjang untuk meluaskan lagi definisi ekonomi pembangunan dalam Islam (Nor Sahida Mohamad & Sanep Ahmad, 2013).

SOROTAN LITERATUR

TikTok merupakan media sosial baharu sebagai satu ruang kepada penggunanya untuk berkreativiti dan mengekspresikan diri dengan mencipta pelbagai kandungan video, (Ghaisani, 2021). Perubahan seseorang boleh berlaku melalui pendidikan, amalan-amalan baik atau buruk boleh menyebabkan berlakunya perubahan akhlak seseorang individu.

Banyak kajian ilmiah yang dilakukan secara umum terhadap pelajar berkenaan perubahan akhlak mereka ketika menggunakan media sosial.

KAJIAN LAMPAU TENTANG APLIKASI TIKTOK

Menurut Mutiah dan Shinta (2022), pada era fenomena ini, aplikasi yang semakin maju dari segi perkembangan internet salah satunya adalah aplikasi TikTok. Aplikasi tiktok merupakan platform media sosial yang memuatkan video pendek disertakan dengan muzik untuk membolehkan seseorang berkongsi pelbagai maklumat seperti masakan, pembelajaran, ilmu-ilmu agama dan banyak lagi. Akan tetapi ianya tidak selalu menjadikan hal yang baik kepada pengguna. Aplikasi TikTok juga memudahkan seseorang untuk mendapatkan maklumat dengan mudah dan luas terutamanya melibatkan pembelajaran. Hal ini akan memberi banyak manfaat kepada pelajar yang hanya perlu menulis tajuk yang dikehendaki dan didapati carian dengan cepat. Tidak hanya mengenai pembelajaran sahaja tetapi video-video berkaitan agama juga dapat didapati di aplikasi TikTok (Hanis Aqila Aman Shah et al., 2023)

Khansa dan Putri (2022), pengaruh aplikasi TikTok ini sangat besar di seluruh dunia, kerana ia merupakan aplikasi yang disukai dan popular dikalangan pelbagai. Akan tetapi kemudahan akses tidak selalu menjadi hal yang baik. Semua orang diberi kemudahan untuk membuat atau mendapatkan hiburan berupa video-video yang hebat dan menarik. Namun disebabkan tidak ada pembatasan, aplikasi ini boleh diakses daripada pelbagai umur bahkan kanak-kanak juga turut menggunakannya. Hal ini memberi unsur negatif yang boleh membahayakannya jika mereka terlibat dan tidak dipantau dengan baik (Ghaisani, 2021). Dari segi unsur positif, aplikasi ini begitu banyak manfaat dan pelajaran yang boleh diambil dari video-video tersebut.

KAJIAN LAMPAU TENTANG PERUBAHAN AKHLAK

Penyalahgunaan media sosial merupakan punca akhlak di kalangan pelajar hari ini. Antara kesan utama adalah pelajar mudah terikut dengan perkara yang melalaikan serta mengikut budaya barat untuk keseronokan semata-mata. Tambahan lagi, dengan kepelbagaiannya media sosial elektronik seperti perkakasan (gadget) yang dibekalkan dengan kemudahan internet tanpa had, secara tidak langsung memberi impak yang besar kepada akhlak pelajar. (Noor Zainan et al., 2021)

Dalam menggunakan media sosial Tik ToK, pelajar mengakses pelbagai jenis kandungan yang dimuat naik oleh pengguna lain. Mereka bebas mencari pelbagai jenis kandungan yang mereka inginkan. Setiap kandungan yang mereka lihat mempunyai kesan positif dan negatif ke atasnya. Perkara baik yang boleh mereka capai apabila menggunakan media sosial Tik Tok ialah mereka lebih mengenali kefahaman Islam, seterusnya dapat menggalakkan minat pelajar untuk menghasilkan karya kreatif dan inovatif, serta dapat mengasah kemahiran mereka dari segi video dan penyuntingan imej, (Ghaisani, 2021).

KAJIAN LAMPAU TENTANG PENGGUNAAN APLIKASI TIKTOK MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

Aplikasi TikTok memberikan impak yang positif kepada tontonan pengguna Tiktok yang mengambil manfaat dan pelajaran daripadanya. Namun begitu, terdapat segelintir remaja menggunakan aplikasi TikTok secara berlebihan iaitu mereka berkongsi perkara-perkara yang tidak sepatutnya dijadikan tontonan sehingga menjadikan TikTok sebagai medium yang berpengaruh negatif dan tidak sesuai dari ajaran Islam (Hanis Aqila Aman Shah et al., 2023). Oleh itu, syariat Islam perlu diambil berat dalam semua perkara serta dapat mempengaruhi orang lain dengan kebaikan dan juga manfaat dalam kehidupan. Justeru, seorang Muslim haruslah memberi contoh yang baik dan menjadi orang yang dapat memberi manfaat kepada orang lain terutamanya di media sosial.


Secara keseluruhan didapati penggunaan media sosial memberi kesan yang positif kepada tingkah laku pelajar terutama dalam medan dakwah. Penggunaan aplikasi tiktok sebagai medium dakwah adalah perkara yang dibenarkan kerana tidak melanggar syariat Islam iaitu dengan menyebarkan ilmu yang bermanfaat untuk mengajak seseorang ke arah kebaikan dan mencegah seseorang itu ke arah kemungkaran (Indriani et al., 2022). Ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t dalam surah Al-Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمُعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۖ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*

Penggunaan aplikasi TikTok bukan sahaja dijadikan sebagai medium hiburan semata-mata tetapi ia juga mempunyai kandungan video positif yang dapat dijadikan motivasi dan pembelajaran terhadap penggunaannya. Kandungan TikTok dapat mengubah pemikiran remaja bergantung apa yang didapat dengan video tontonannya. Menurut Sufiana Rahman et al. (2022), kandungan video boleh mempengaruhi kesan yang baik mahupun buruk kepada penggunanya jika disaksikan secara berterusan. Jadi, tidak dinafikan lagi bahawa perlaku remaja banyak yang terpengaruh oleh video TikTok dengan cara yang berbeza-beza. Oleh itu, aplikasi TikTok dapat didapati dengan tujuan yang positif dan negatif dalam kehidupan pelajar berdasarkan apa yang diambil dari video tersebut.

KERANGKA KONSEP



Rajah 1: Kerangka Konsep

METODOLOGI

Reka Bentuk Penyelidikan

Dalam penelitian ini, pengkaji menggunakan kaedah kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk tinjauan. Kaedah tinjauan (survey) telah melibatkan pelajar Universiti Selangor (UNISEL). Terdapat beberapa kajian telah dilaksanakan dengan menganalisis pengaruh media sosial (Ayu, 2021). Kaedah yang digunakan adalah kuantitatif deskriptif yang menunjukkan pengaruh media sosial terhadap tingkah laku pelajar. Tujuannya adalah untuk menguji fenomena yang sedang diteliti dan mencari perkaitan hubungan antara satu pembolehubah

dengan pembolehubah yang lain (Ghaisani, 2021). Oleh yang demikian kaedah kajian ini bersesuaian dengan persoalan kajian untuk mengenalpasti kesan penggunaan aplikasi TikTok terhadap perubahan akhlak mahasiswa Unisel, mengenal pasti langkah-langkah bagi membendung penyalahgunaan dan mengkaji pandangan Islam mengenai penggunaan aplikasi Tiktok.

Prosedur Penyelidikan

Dalam bahagian ini, prosedur pemungutan data dalam kajian ini diuraikan. Ia merangkumi huraian tentang pengumpulan data melalui instrument soal selidik kuantitatif di Universiti Selangor, Bestari Jaya.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen borang soal selidik untuk mengumpulkan data daripada responden. Pengkaji mengukur melalui pendekatan kuantitatif. Menurut Patton (1990) pendekatan kuantitatif mampu mengukur reaksi dan tindak balas responden terhadap soal selidik yang terhad dan dapat menganalisis masalah yang dikaji dengan ringkas dan tepat. Ini kerana data kuantitatif adalah sistematik, mudah dianalisis, piawai dan dikemukakan dalam masa yang singkat. Pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif. Dalam kaedah deskriptif, pengkaji menggunakan instrumen borang soal selidik yang diberikan kepada pelajar responden seramai 100 orang pelajar Universiti Selangor Bestari Jaya. Kaedah deskriptif dipilih untuk mengumpul maklumat mengenai profil responden, mengenal pasti kesan pengaruh aplikasi TikTok terhadap keruntuhan akhlak pelajar, mengenal pasti langkah membendung penyalahgunaan aplikasi TikTok dan mengkaji pandangan Islam mengenai penggunaan aplikasi TikTok dalam kalangan pelajar. Analisis kajian ini digunakan bagi menjawab soalan penyelidikan bahagian A, bahagian B, bahagian C dan Bahagian D.

Jadual 1: Instrumen Borang Soal Selidik

BAHAGIAN	PERKARA	BIL. SOALAN
Bahagian A	Demografi Responden	1-7
Bahagian B	Kesan penggunaan Aplikasi TikTok	1-10
Bahagian C	Langkah membendung penyalahgunaan aplikasi TikTok.	11-20
Bahagian D	Pandangan pelajar Unisel terhadap penggunaan Aplikasi TikTok mengikut perspektif Islam.	21-30

Berdasarkan Jadual 1, Bahagian A memberi tumpuan kepada profil demografi responden dengan mengumpulkan maklumat latar belakang seperti jantina, umur, tahap pendidikan, tahun pengajian, masa yang dihabiskan menggunakan TikTok, tujuan penggunaan TikTok, dan jenis pencarian umum dalam aplikasi tersebut. Bahagian B bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan TikTok terhadap perubahan akhlak mahasiswa Unisel, khususnya dalam mempengaruhi tingkah laku dan moral mereka. Seterusnya, Bahagian C meneliti langkah-langkah yang boleh diambil bagi membendung penyalahgunaan aplikasi TikTok dalam kalangan pelajar, dengan memberi penekanan kepada strategi untuk mencegah perubahan akhlak yang negatif. Akhir sekali, Bahagian D mengkaji pandangan pelajar Unisel terhadap penggunaan TikTok mengikut perspektif Islam, dengan menilai kesedaran mereka terhadap kepatuhan kepada prinsip dan ajaran Islam semasa menggunakan aplikasi tersebut.

Kaedah Analisa Data

Data yang diperoleh dalam kajian ini dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif secara deskriptif. Responden menilai tahap persetujuan mereka terhadap setiap item dalam soal selidik berdasarkan skala Likert, iaitu dari (1) setuju hingga (5) sangat tidak setuju. Pengkaji menggunakan kaedah deskriptif untuk menganalisis data bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai dapatan kajian. Setelah semua data dikumpulkan, analisis dilakukan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) bagi memperoleh kekerapan, nilai min, dan peratusan hasil dapatan kajian berdasarkan soal selidik yang telah dijawab oleh responden.

Hasil Kajian


Kajian ini melibatkan 100 orang pelajar Unisel sebagai responden, terdiri daripada 55 orang (55.0%) pelajar perempuan dan 45 orang (45.0%) pelajar lelaki. Dari segi tahap pendidikan, majoriti responden adalah pelajar ijazah sarjana muda iaitu seramai 49 orang (49.0%), diikuti pelajar diploma sebanyak 29 orang (29.0%) dan pelajar asasi seramai 22 orang (22.0%).

Dari aspek tahun pengajian, responden terdiri daripada 20.0% pelajar tahun pertama, 44.0% pelajar tahun kedua, 6.0% pelajar tahun ketiga, dan 30.0% pelajar tahun akhir.

Jadual 2: Demografi Responden Kajian

DEMOGRAFI		MIN	PERATUS
JANTINA	Lelaki Perempuan	45 55	45.0% 55.0%
UMUR	18 - 20 tahun 21 - 23 tahun 24 dan keatas	36 35 29	36.0% 35.0% 29.0%
TAHAP PENGAJIAN	Asasi Diploma Ijazah Sarjana Muda	22 29 49	22.0% 29.0% 49.0%
TAHUN PENGAJIAN	Tahun 1 Tahun 2 Tahun 3 Tahun akhir	20 44 6 30	20.0% 44.0% 6.0% 30.0%

Bilangan jam melayari Aplikasi TikTok



Rajah 2: Bilangan jam melayari Aplikasi TikTok

Rajah 2 menunjukkan bahawa majoriti pelajar (43.0%) melayari aplikasi TikTok kurang daripada empat jam sehari. Selain itu, Jadual 1 mendapati bahawa tujuan utama penggunaan TikTok dalam kalangan pelajar Unisel adalah untuk hiburan, dengan 96.0% responden menyatakan mereka menggunakan aplikasi ini sebagai sumber hiburan.

Jadual 2: Tujuan Media TikTok Digunakan

N: 100	PERATUS
Membeli belah	71.0%
Pembelajaran	71.0%
Perniagaan	21.0%
Hiburan	96.0%
Komunikasi	26.0%

Berdasarkan Jadual 2, hasil kajian turut menunjukkan bahawa majoriti pelajar Unisel menggunakan TikTok untuk mencari kandungan keagamaan seperti kuliah agama (73.0%) dan mengikuti isu semasa (74.0%). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun TikTok digunakan sebagai medium hiburan, pelajar masih mengekalkan nilai-nilai keagamaan dalam penggunaan aplikasi tersebut. Walau bagaimanapun, Islam menekankan bahawa hiburan tidak boleh berlebihan sehingga melanggar batasan syariat Islam (Hanis Aqila Aman Shah et al., 2023).

Jadual 3 menunjukkan kesan penggunaan aplikasi TikTok terhadap akhlak pelajar. Hasil kajian mendapati nilai min yang tinggi adalah ‘Saya menggunakan aplikasi TikTok dengan baik’ (4.43) dan ‘Saya menggunakan aplikasi TikTok untuk berdakwah’. Manakala nilai min yang paling rendah pula terdapat pada item ‘Saya menggunakan aplikasi TikTok untuk mendapatkan hiburan’ (1.83).

Jadual 3: Nilai Min Bagi Kesan Penggunaan Aplikasi Tiktok Terhadap Perubahan Akhlak Pelajar Unisel.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya menggunakan aplikasi TikTok dengan baik	4.43	0.655
Saya mencari dan berkongsi maklumat pembelajaran di aplikasi TikTok	4.09	0.986
Saya menggunakan aplikasi TikTok untuk berdakwah	3.84	1.089
Aplikasi TikTok membantu saya meningkatkan kepercayaan diri dalam menghasilkan video	3.81	1.116
Media TikTok membantu saya dalam menghasilkan wang belanja.	2.90	1.460
Saya selalu melayari aplikasi TikTok di dalam kelas.	3.25	1.417
Saya menggunakan aplikasi TikTok untuk mendapatkan hiburan.	1.83	0.792
Saya terpengaruh dengan konten-konten di TikTok.	3.12	1.192
Saya terlibat dalam provokasi dan kontroversi di media TikTok.	4.14	1.035
Penggunaan TikTok Shop menyebabkan saya banyak menghabiskan wang.	2.38	1.293

Jadual 4 menunjukkan langkah-langkah bagi membendung penyalahgunaan media TikTok dalam kalangan pelajar Unisel. Hasil kajian mendapati nilai min yang tinggi adalah ‘Individu perlu menghadkan masa penggunaan media TikTok’(4.61) dan ‘Individu perlu mengetahui batasan dalam menggunakan media TikTok mengikut prinsip syariat Islam’ (4.59). Hasil kajian ini sangat menyokong kajian yang dilakukan oleh Mohd Hamizi (2023), yang menyatakan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh pelbagai pihak untuk membendung penyalahgunaan media TikTok memperoleh nilai min yang tinggi.

Jadual 4: Nilai Min Bagi Langkah-Langkah Bagi Membendung Penyalahgunaan Aplikasi Tiktok Terhadap Perubahan Akhlak Pelajar Unisel.

Item	Min	Sisihan Piawai
Pihak kerajaan perlu campur tangan dalam menangani penyalahgunaan media TikTok.	4.36	0.859
Syarikat media perlu melakukan penapisan terhadap posting pengguna yang berbentuk provokasi dan kontroversi	4.50	0.798
Tenaga pengajar perlu menghadkan penggunaan media semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.	4.19	0.861
Ibu bapa perlu memantau akaun media anak tidak kira dimana mereka berada.	4.21	0.977
Ibu bapa perlu berikan nasihat kepada anak tentang kebaikan dan keburukan media TikTok.	4.49	0.628
Rakan sebaya turut boleh memantau dengan saling memperingati dan berkongsi maklumat yang tepat.	4.29	0.844
Individu perlu menghadkan masa penggunaan media TikTok	4.61	0.549
Individu perlu mempunyai tanggungjawab dalam menggunakan media TikTok.	4.58	0.589
Individu perlu mengetahui batasan dalam menggunakan media TikTok mengikut prinsip syariat Islam.	4.59	0.552
Individu perlu menghadirkan diri dalam mana-mana kumpulan kesedaran media TikTok.	4.12	0.844

Jadual 5 menunjukkan pandangan pelajar Unisel terhadap penggunaan aplikasi TikTok mengikut perspektif Islam. Hasil dapatan kajian mendapati nilai min setiap item pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan, pelajar memahami dengan baik tentang implikasi dan kewajipan agama yang mesti ditunaikan semasa penggunaan aplikasi TikTok dengan mengikut konsep syariat Islam.

Jadual 5: Nilai Min Bagi Pandangan Pelajar Unisel Terhadap Penggunaan Aplikasi Tiktok Mengikut Perspektif Islam.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya menjaga akhlak dan tingkah laku yang baik	4.35	0.702
Saya menghindari perkara-perkara yang dilarang dalam Islam semasa penggunaan aplikasi TikTok.	4.32	0.790
Saya menggunakan media TikTok untuk kebaikan.	4.40	0.711
Saya berhati-hati dengan pengaruh negatif.	4.50	0.628
Saya menghormati privasi dan kehormatan orang lain.	4.51	0.628
Saya mematuhi prinsip-prinsip ajaran Islam.	4.42	0.699
Saya menjaga aurat semasa menghasilkan video konten.	4.34	0.768
Saya mengelakkan kandungan yang melanggar prinsip kehormatan dan kesucian orang lain.	4.41	0.780
Saya menghindari penyebaran konten yang menyalahi syariat Islam.	4.41	0.793
Saya memastikan bahawa penggunaan media TikTok tidak mengganggu kewajipan agama seperti waktu ibadat, belajar, atau tanggungjawab sosial.	4.49	0.745

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa pelajar mudah untuk mempelajari sesuatu yang positif serta mengadaptasikan apa yang dilihat semasa menggunakan aplikasi TikTok dengan melakukan akhlak yang baik. Al-Quran menekankan kepentingan menjaga akhlak yang baik dan tingkah laku yang terpuji dalam setiap aspek kehidupan, termasuk interaksi dalam talian. Namun begitu, aplikasi TikTok juga dijadikan hiburan oleh pelajar untuk menghilangkan rasa stress dalam pembelajaran. Islam tidak menghalang hiburan tetapi perlu berwaspada bahawa Islam tidak membuka ruang untuk mendapatkan hiburan berlebihan sehingga tidak mempunyai batasan dan bercanggah dengan syariat islam.

Hasil dapatan dalam kajian ini menyangkal kajian berkaitan kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku pelajar oleh Nurul Solehah Che Rumli dan Zakiyah Jamaluddin (2019) kerana menurut mereka pelajar mempunyai tingkah laku agresif pada tahap sederhana dan tidak mudah terpengaruh dengan perkara negatif.

Seterusnya, kajian ini juga turut menunjukkan sejauhmana kaedah pengawalan penggunaan aplikasi TikTok kepada pelajar. Kajian ini sangat menyokong dengan kajian yang dilakukan oleh Hanis Aqila Aman Shah et al. (2023) kerana menurut mereka aplikasi TikTok boleh memberikan pengaruh negatif seandainya diabaikan dan tidak dibendung dengan sebaiknya. Oleh itu, aplikasi ini perlu digunakan sebaiknya dengan mendapat penjagaan dan pengawasan daripada masyarakat persekitaran khususnya ibu bapa supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini dalam kehidupan sosial anak-anak.

Hasil kajian ini sangat menyokong kajian yang dilakukan oleh Helandri et al. (2023) kerana menurut mereka pelajar mungkin mendapat pengaruh yang kuat daripada media TikTok tetapi tidak semestinya boleh mengubah dan menjelaskan tingkah laku pelajar dalam kehidupan harian mereka. Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai tanggungjawab dalam penggunaan TikTok, termasuk pengawalan diri, memilih kandungan yang sejajar dengan nilai keagamaan dan penggunaan masa yang sesuai

KESIMPULAN

Secara keseluruhan didapati penggunaan TikTok pada masa kini sangat membantu pelajar dalam berkomunikasi dan mendapatkan maklumat pembelajaran bahkan ia juga dijadikan

hiburan untuk merehatkan minda. Walaupun begitu, pelajar juga perlu bijak dalam memilih perkara yang baik dan buruk dalam penggunaan TikTok. Hal ini kerana aplikasi TikTok dapat mengubah perilaku seseorang bergantung dengan cara mereka menggunakan aplikasi tersebut. Justeru itu, penggunaan aplikasi TikTok perlu digunakan sebaiknya dan mendapat pengawasan daripada masyarakat persekitaran. Sebagai seorang muslim, sudah semestinya perlu berpegang dengan syariat Islam dan tidak terpengaruh dengan trend-trend luar yang merosakkan pemikiran diri dan orang sekeliling.

Rujukan

- Abdul Razak, M. A, & Yusoff, Y. 2021. "Pemikiran hukum Islam terhadap trend TikTok." *Al-Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah dan Hukum*, 4(1), 51–62.
<https://pdfs.semanticscholar.org/341a/89a9bfd60aa9692a5e303e1bfad7f364ed77.pdf>
- Ayu, N. L. (2021). Pengaruh media sosial terhadap perilaku keagamaan mahasiswa. *Socio Religia*, 2(2). DOI: <http://dx.doi.org/10.24042/sr.v2i2.12996>.
- Darih, S. (2022). Pengaruh aplikasi TikTok terhadap kehidupan sosial dan kesejahteraan individu. *Jurnal Pengaruh Media Sosial*, 12(2), 45-59.
- Fazlina Ab Halim & Mohammad Siraj Munir Muslaini. (2018). Impak media sosial terhadap tingkah laku sosial pelajar di kolej vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1).
- Ghaisani, N. (2021). Pengaruh penggunaan media sosial Tik Tok terhadap perilaku keagamaan remaja di Kecamatan Blangkejeren. *An Nadwah*, 27(2), 6-20. DOI: <http://dx.doi.org/10.37064/nadwah.v27i2.10980>.
- Hanis Akilah Aman Shah, Hannan Afifah Mohd Nor, Nurul Asyikin Zainal, & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2023). *Pengaruh aplikasi Tiktok terhadap kehidupan sosial remaja menurut perspektif Islam*. <https://www.scribd.com/document/681936987/Pengaruh-Aplikasi-Tiktok-Terhadap-Kehidupan-Sosial-Remaja-Menurut-Perspektif-Islam>.
- Helandri, J., Setiawan, A. R., Putra, T., Prabu, R., & Jaya, A. (2023). Kebangkitan trend aplikasi media sosial TikTok dalam perspektif hukum Islam. *Hutanasyah: Jurnal Hukum Tata Negara*, 1(2), 99-115. DOI: <https://doi.org/10.37092/hutanasyah.v1i2.527>.
- Ibrahim, S. 2021. "Legal perspective of the TikTok application: The role of government." *In Proceedings of the International Conference on Religion, Culture, and Governance in the Contemporary World (ICRCG 2020)*, Atlantis Press.
- Indriani, D., Ananda F., & Hafsa, H. (2022). Pandangan Ulama kontemporer tentang hukum bermain Tiktok bagi perempuan muslimah (Analisis Undang-Undang No 19 Tahun 2016, Perubahan Atas Undang-Undang No 11 Tahun 2008 Tentang Informasi dan Transaksi Elektronik). *Al-Mashlahah: Jurnal Hukum Islam dan Pranata Sosial Islam*, 10(2), 861-878. DOI: <https://doi.org/10.30868/am.v10i02.3183>.
- Kasetyaningsih, S. W., & Hartono, H. (2017). Dampak sosial media terhadap akhlaq remaja. *Duta.com*, 13(1), 1-10. <https://ojs.udb.ac.id/index.php/dutacom/article/view/515>
- Khansa, S. D., & Putri, K. Y. S. (2022). Pengaruh sosial media Tiktok terhadap gaya hidup remaja. *Ekspresi Dan Persepsi: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 5(1), 133-141. DOI:[10.33822/jep.v5i1.3939](https://doi.org/10.33822/jep.v5i1.3939).
- Kusuma, D. N. S. C., & Oktavianti, R. (2020). Penggunaan aplikasi media sosial berbasis audio visual dalam membentuk konsep diri (Studi Kasus Aplikasi Tiktok). *Koneksi*, 4(2), 372-379. <https://doi.org/10.24912/kn.v4i2.8214>.
- Larasati, 2020. "Peran orang tua dalam membentuk karakter sopan santun anak atas dampak Media sosial (Studi Kasus Siswa Kelas IV di SDN 1 Jenangan)". [Doctoral Dissertation, IAIN Ponorogo]. <http://etheses.iainponorogo.ac.id/id/eprint/11973>.

- Marini, R. (2019). *Pengaruh media sosial Tik Tok terhadap prestasi belajar peserta didik di SMPN 1 Gunung Sugih Kab. Lampung Tengah* [Undergraduate thesis, UIN Raden Intan Lampung]. <https://repository.radenintan.ac.id/id/eprint/8430>.
- Mohd Fadhil Aziz, & Mardzelah Makhsin. (2021). Pengaruh media sosial terhadap penampilan akhlak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(42), 74-82. DOI 10.35631/IJEPC.642007.
- Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi. (2023). Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15, 24-37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>.
- Muhammad, A., & Hadi, S. (2020). Pengaruh media sosial terhadap akhlak mahasiswa: Kesan positif dan negatif. *Jurnal Pendidikan Tinggi Islam*, 20(1), 45-67.
- Mutiah, T., & Shinta, M. (2022). Gaya hidup remaja melalui sosial media Tiktok. *Jurnal Media Penyiaran*, 2(1), 52-57. DOI: <https://doi.org/10.31294/jmp.v2i1.1282>
- Nurul Izzah Noor Zainan, Mohd Khairul Anuar Ismail, & Nur Asmira Mat Jusoh. (2021). Impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar: satu tinjauan awal. In *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)* (pp. 98-101). Uitm Institutional Repository. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/45207>.
- Nurul Solehah Che Rumli, & Zakiyah Jamaluddin. (2019). Kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku pelajar. In *e-Prosiding SMTComm'19* (pp. 121-127). UUM Repository. <https://core.ac.uk/download/pdf/286381352.pdf>.
- Prakoso, A. D. (2020). *Penggunaan aplikasi Tik Tok dan efeknya terhadap perilaku keagamaan remaja Islam di Kelurahan Waydadi Baru Kecamatan Sukarame* [Undergraduate thesis, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung]. UIN Raden Intan Lampung Repository.